

ANUGERAH KEPIMPINAN AKADEMIK

ASAS ANUGERAH

Pemohon yang menerima Anugerah Kepimpinan Akademik merupakan seorang **pemimpin akademik** yang komited, terlibat secara menyeluruh dan berterusan dalam proses penemuan ilmu, penjanaan kekayaan universiti dan memenuhi aspirasi jabatan sebagai jentera pembangunan Universiti dan masyarakat ke arah meningkatkan kualiti kehidupan manusia sejagat. Pemohon hanya boleh menerima anugerah ini **sekali sahaja**.

KRITERIA PEMOHON

Anugerah akan dipertimbangkan bagi calon yang telah:

- i. Menerajui secara holistik bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan kepimpinan akademik di peringkat jabatan.
- ii. Berkhidmat sebagai pensyarah di universiti tempatan selama sekurang-kurangnya **10 tahun secara kumulatif** dalam kerjaya akademik.
- iii. Telah menyumbang kepada badan universiti / negeri / profesional dan ilmiah dalam jangka waktu **10 tahun** terakhir (termasuk tahun yang dinilai).
- iv. Menghasilkan inovasi yang berimpak semasa dalam tempoh lantikan.
- v. Membawa **impact secara langsung atau tidak langsung** kepada warga universiti/masyarakat melalui aktiviti yang telah dijalankan.
- vi. Menunjukkan **kecemerlangan secara berterusan** dalam kepimpinan.

KRITERIA PEMILIHAN ANUGERAH

Dalam proses penilaian untuk penganugerahan, semua sumbangan kumulatif, anugerah dan pengiktirafan yang diterima semasa memegang jawatan akan diambil kira.

NILAI ANUGERAH

Nilai anugerah adalah **RM200.00** berserta hadiah iringan dari Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor.